

NGO minta MTUC

UM 10 APR 2001

Oleh
ROSMAH MOHD. DAIN

KUALA LUMPUR 9 April — Badan-badan bukan kerajaan (NGO) meminta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya berunding terlebih dahulu dengan kerajaan dan tidak meneruskan rancangan berpiket di seluruh negara pada 12 Mei ini.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Syed Amin Al-Jeffri berkata, semua pihak harus lebih

bertolak ansur dalam keadaan yang mencabar pada masa ini.

Beliau berkata, manamana badan kerajaan atau majikan perlu memahami keadaan negara yang kini sedang mengambil langkah bersiap sedia menghadapi kelemahan ekonomi akibat kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat.

“Jangan tunjukkan di mata dunia perselisihan yang berlaku di kalangan kita sendiri, jika tidak implikasinya kepada negara dan rakyat adalah buruk,” katanya.

Beliau mengulas laporan *Utusan* hari ini mengenai rancangan MTUC yang akan mengadakan piket secara besar-besaran di semua pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 12 Mei nanti.

MTUC bercadang mengadakan piket tersebut yang akan disertai 230 persatuan gabungan dengan anggaran 500,000 orang ahli atas alasan KWSP tidak menjaga kebajikan pekeja selaku pencharum.

Dalam pada itu, Perda-

na Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meminta MTUC tidak lagi menambahkan masalah dalam negara dengan meneruskan piket tersebut dalam keadaan negara menghadapi pelbagai masalah.

Kepentingan

Mengulas lanjut Syed Amin berkata, jika rakyat dan kerajaan tidak sependapat, sukarlah bagi kerajaan berbuat sesuatu bagi kepentingan negara sendiri.

Sementara itu, Presi-

runding sebelum piket

den Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), **Datuk Muhammad Izat Emir** meminta semua pihak jangan turutkan perasaan serta mementingkan diri sendiri demi kestabilan ekonomi dan politik negara.

“Sebenarnya ada cara lain untuk atasi masalah, bawalah kepada perbincangan dan janganlah memburukkan keadaan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, dunia sekarang mengalami na-

sib malang akibat kelemahan ekonomi dan rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana negara masih dapat mengatasi sebarang krisis ekonomi.

“Bukan sekarang masanya kita nak menambahkan lagi masalah, apa yang penting bersatu padu di dalam menghadapi segala cabaran dan lupakan perselisihan yang boleh membawa keburukan kepada negara,” katanya.

Aktivis masyarakat, **Datuk Lee Lam Thye** pula berkata, proses run-

dingan perlu diusahakan antara kerajaan atau KWSP dengan MTUC sebelum tindakan berpiket diambil sebagai jalan akhir.

“Sebenarnya berunding adalah baik untuk menjelaskan mana-mana perkara yang tidak faham,” katanya.

Beliau juga meminta kerajaan peka terhadap apa sahaja pandangan yang bakal dikemukakan oleh MTUC di dalam perundingan itu nanti.